



# PETIKAN TITAH



Beta melihat Majlis Ilmu sejak ia mula diadakan telah banyak mengongsikan pelbagai ilmu dan maklumat yang sangat berfaedah.

Beta difahamkan tema majlis Ilmu tahun ini berbunyi "**Menangani Gejala Mental.**"

Orang-orang yang mengalami kecelaruan mental biasanya menghadapi gangguan emosi dan pemikiran, dan sekali gus boleh mengganggu hubungan sosial mereka dengan orang lain.

Sebab itu, mental yang sihat adalah diperlukan, untuk seseorang dapat mengurus emosi dan menikmati kehidupan. Sebaliknya seseorang yang mempunyai kecelaruan mental tidak akan dapat berbuat demikian, bahkan akan gagal untuk menangani sebarang cabaran.

Menurut ajaran Ugama Islam, kesihatan fizikal dan kesihatan mental adalah merupakan anugerah dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala*, yang wajib dijaga sebagai salah satu maqasid syar'iyyah.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, ikhtiar menangani gejala mental telah dan sedang dilaksanakan. Antaranya Kerajaan Beta telah meningkatkan jumlah pegawai psikologi dan menambahkan masa perkhidmatan Talian Harapan 145 iaitu talian bantuan dan sokongan kesihatan mental kepada 24 jam setiap hari.

TITAH

#### **KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sempena Mailis Ilmu 2024

## **SIDANG EDITORIAL CANANG**

### **Penasihat:**

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

### **Pengerusi:**

Yang Mulia Awang Haji Abu Asiruddin bin Haji Zaini  
Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

### **Pengarang/Sumber Berita:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Jabatan Penerangan

### **Susun Atur dan Penyelaras**

Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

### **Penyunting**

Yang Mulia Dayang Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha  
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Pruf dan Penyemakan:**

Yang Mulia Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit  
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Fotografi:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat

### **Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:**

Jabatan Penerangan

**SIRI PROGRAM PERKONGSIAN MAKLUMAT  
JAWATANKUASA PERHUBUNGAN AWAM  
KEMENTERIAN-KEMENTERIAN DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
(JPAKK & JJK) BERSAMA JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**




**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Safar 1446 / 3 September 2024** - Siri Program Perkongsian Maklumat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JPAKK & JJK) Bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat telah diadakan di Dewan Citra Budaya, Bangunan KKBS.

Program tersebut diadakan sebagai perkongsian maklumat dua hala di antara agensi-agensi Kerajaan dan juga ahli JPAKK dan JJK untuk mendapatkan maklumat secara langsung dan memahami tentang pengendalian bantuan dan program-program yang berkaitan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Turut dihadiri oleh Yang Mulia Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar, Pegawai Penerangan Kanan selaku wakil Pengurus JPAKK dan JJK dan Yang Mulia Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman, Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



# MAJLIS PERASMIAN UCIRAN CALAK BRUNEI: PAMERAN SENI LUKIS ABSTRAK 8 SENIMAN TEMPATAN




**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Safar 1446 / 7 September 2024** - Majlis Perasmian Pameran Uciran Calak Brunei: Pameran Seni Lukis Abstrak 8 Seniman Tempatan anjuran bersama Pusat Sejarah Brunei dan Creative Space berlangsung di Pusat Sejarah Brunei.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir Yang Mulia Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengetua Pusat Sejarah Brunei dan Yang Mulia Dato Paduka Haji Haini bin Haji Hashim.

Perasmianya disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Tetamu Kehormat Majlis.

Pameran Uciran Calak Brunei: Pameran Seni Lukis Abstrak 8 Seniman Tempatan dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula hari Sabtu, 7 September 2024 hingga hari Isnin, 7 Oktober 2024.

#### Sambungan Muka Surat 4



# PEMBERIGAAN MENGENAI TID ROLLOVER DAN PROGRAM KEBANGSAAN PENGGANTIAN SYSTEM METER PINTAR UNIFIED SMART METERING SYSTEM



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Safar 1446 / 7**

**September 2024**— Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri taklimat bagi memberiagaan TID Rollover dan Program Kebangsaan Penggantian Mandatori Sistem Meter Unified Smart Metering System (USMS) yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Pemberigaan ini diadakan adalah salah satu usaha Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk memperkenalkan serta memberikan pencerahan yang lebih mendalam mengenai program tersebut dan ia juga mengongsikan maklumat yang betul kepada orang ramai mengenai tujuan dan matlamat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Air dan USMS mengenai TID Rollover dan Projek USMS yang sedang dijalankan pada masa ini.


Hadir bagi mendengarkan taklimat tersebut ialah Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan dibawahnya.



# MAJLIS BERDIKIR DI MASJID-MASJID NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM BAGI TAHUN 1446H/2024M

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Safar 1446 / 7 September 2024** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri Majlis Dikir di Masjid Az-Zakireen, Kampong RPN Meragang sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang dikendalikan oleh Pusat Sejarah Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Hadir selaku ketua rombongan bagi majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



# MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PEMBANGUNAN KAPASITI BAGI PROFESSIONAL DALAM PEMELIHARAAN WARISAN




**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Rabiulawal 1446 / 9 September 2024** - Majlis Perasmian Bengkel Pembangunan Kapasiti bagi Profesional Dalam Pemeliharaan Warisan (Capacity Building Workshop for Heritage Protection Professionals) telah diadakan di Dewan Di-Gadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis bagi menyempurnakan perasmian bengkel tersebut ialah Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Consultative Council for Cultural Development in the Islamic World. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan.




# MAJLIS BERDIKIR DI MASJID-MASJID NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SAW BAGI TAHUN



**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Rabiulawal 1446 / 10 September 2024**

- Sebagaimana lazimnya acara dikir maulid ini diadakan sepanjang 12 malam berturut-turut bermula pada awal bulan Rabiulawal setiap tahun di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara. Masjid universiti, Universiti Brunei Darussalam meneruskan lagi malam tersebut dengan acara dikir syarafil anam yang terdiri daripada Rombongan pendikir daripada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Sambutan acara dikir maulid dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, seterusnya selaku tetamu kehormat majlis.



# MAJLIS DIKIR SYARAFIL ANAM SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM 1446H/2024M



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Rabiulawal 1446 / 14 September 2024** - Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi di Istana Nurul Iman.

Hadir pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) di ruangan lelaki.

Juga hadir, para pegawai dan kakitangan dari KKBS, Pertubuhan WARGAMAS Brunei; Belia Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS), Kampung Rimba; dan warga KUPU SB.




**PERHIMPUNAN DAN PERARAKAN PADA  
MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM  
PERINGKAT DAERAH TEMBURONG BAGI TAHUN 1446H/2024M**



**BANGAR, DAERAH TEMBURONG, Khamis, 12 Rabiulawal 1446 / 16 September 2024** – Perhimpunan dan Perarakan pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Temburong Bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi disertai lebih 1,200 peserta yang mewakili daripada 20 pasukan.

Perhimpunan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi daerah berkenaan bermula dan berakhir di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



# MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA BAGI TAHUN 1446H/2024M



MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SHALALLAHU 'ALAIHI WASALLAM BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA BAGI TAHUN 1446 HIJRAH / 2024 MASIHI  
Khamis, 19 September 2024 di Dewan Digadong, Bangunan KKBS

www.kkbs.gov.bn Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

## BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis,

15 Rabiulawal 1446 / 19

September 2024 – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis dikendalikan oleh Jabatan Muzium-Muzium.

Ceramah khas bertajuk 'Cinta Rasulullah Tiada Penghujungnya' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Yang Mulia Ustaz Awang Nasyith bin Superi, Pegawai Ugama di Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis ini ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.




# **WIRA FAJAR PROGRAM BELIA SEMBAHYANG FARDHU SUBUH BERJEMAAH DI MASJID BAGI TAHUN 1446H/2024M SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-19, TAHUN 2024**






**BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 Rabiulawal 1446 / 20 September 2024 –**  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengungkayahkan Wira Fajr Program Belia Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah Di Masjid bagi Tahun 1446/2024 bertempat di Masjid Az-Zakireen, Kampong RPN Meragang.

Hadir bagi menghadiri Wira Fajr ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Tazkirah Subuh bertajuk ‘Belia Siaga Masa Depan’ disampaikan oleh Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak, Pemangku Pendaftar Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).



## Sambungan Muka Surat 13



# FESTIVAL FILEM JEPUN 2024 (JAPANESE FILM FESTIVAL 2024) SEMPENA ULANG TAHUN HUBUNGAN DIPLOMATIK KE-40 ANTARA JEPUN DAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



40 antara Jepun dan Negara Brunei Darussalam (NBD), Kedutaan Besar Jepun di NBD dengan kerjasama Yayasan Jepun telah menganjurkan Festival Filem Jepun 2024 (Japanese Film Festival 2024) di Times Cineplex, Berakas.



Festival Filem Jepun 2024 akan diadakan selama tiga hari bermula hari Jumaat, 20 September 2024 hingga Ahad, 22 September 2024 dengan enam buah tayangan filem Jepun akan dibukakan bagi tontonan orang awam secara percuma.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya turut menyaksikan tayangan perdana Festival Filem Jepun berjudul 'We Make Antiques' berkenaan, Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



# **PROGRAM SIRI BICARA INSPIRASI (BISAI) 2024-3 EDISI KHAS: CERAMAH KEAGAMAAN— RASULULLAH S.A.W CONTOH IKUTAN TERBAIK, MEMBINA SAHSIAH DAN INSPIRASI DARIPADA RASULULLAH S.A.W**



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Rabiulawal 1446 / 21 September 2024 –**  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan meneruskan program Siri Bicara Inspirasi (BiSAI) dengan ceramah keagamaan – Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Contoh Ikutan Terbaik, Membina Sahsiah Dan Inspirasi Daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan di Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan telah dihadiri oleh seramai dua ratus (200) orang warga Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang terdiri dari pegawai dan kakitangan Divisyen I hingga V.

Program dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Yang Mulia Ustaz Awang Muhammad Nabil bin Roslan, Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia. Seterusnya diikuti dengan ceramah yang disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Program diakhiri dengan lawatan ke Galeri Pameran Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Turut dihadiri oleh Yang Mulia Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pemangku Pengarah Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## Sambungan Muka Surat 16



## KUNJUNGAN HORMAT



### KUNJUNGAN HORMAT

Sabtu, 21 September 2024 di Bangunan KKBS



[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)



[kkbs\\_brunei](#)



Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Rabiulawal 1446 / 21 September 2024** - Yang Berhormat Dato Setia Awang Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan daripada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud dan Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor,



Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi keperihatinan dan kepentingan bersama.

# SIDANG MEDIA KEJOHANAN DUNIA WUSHU REMAJA KE-9, TAHUN 2024



**BERAKAS, Ahad, 18 Rabiulawal 1446 / 21 September 2024** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Persekutuan Wushu Brunei Darussalam akan menganjurkan Kejohanan Dunia Wushu Remaja Ke-9, 2024 yang akan berlangsung bermula pada 25hb hingga 29hb September 2024 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Satu Sidang Media mengenai Kejohanan Dunia Wushu Remaja Ke-9, 2024 telah diadakan di Bilik VIP, Tingkat I, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## Sambungan Muka Surat 19



# MESYUARAT POST-MORTEM SUKAN OLIMPIK KE-33, PARIS, PERANCIS 2024



**BERAKAS, Selasa, 21 Rabiulawal 1446 / 24 September 2024** - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) selaku ahli Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan berkenan berangkat ke Mesyuarat Post-Mortem Sukan Olimpik Ke-33, Paris, Perancis 2024 pada 26 Julai hingga 11 Ogos 2024 lalu yang berlangsung di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Mesyuarat disusuli dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan diikuti dengan Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan mempengerusikan Mesyuarat Post-Mortem.

Yang Mulia Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Chef de Mission menyembah bentangkan Laporan Kontinjen ke Sukan Olimpik Ke-33, Paris, Perancis 2024.

# MAJLIS MAKAN MALAM KEJOHANAN DUNIA WUSHU REMAJA KE-9, TAHUN 2024



MAJLIS MAKAN MALAM KEJOHANAN DUNIA WUSHU REMAJA

KE-9, TAHUN 2024

Rabu, 25 September 2024 di Dewan Munawarrah, Setia Point, Berakas

[www.kbsg.gov.bn](http://www.kbsg.gov.bn) [@kbs\\_brunei](https://kbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/kementeriankebudayaanbeliaansukan)



[www.kbsg.gov.bn](http://www.kbsg.gov.bn) [@kbs\\_brunei](https://kbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/kementeriankebudayaanbeliaansukan)



[www.kbsg.gov.bn](http://www.kbsg.gov.bn) [@kbs\\_brunei](https://kbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/kementeriankebudayaanbeliaansukan)


**BERAKAS, Selasa, 21 Rabiulawal 1446 / 24 September 2024** - Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 merupakan anjuran Persekutuan Wushu Brunei Darussalam dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berlangsung bermula 25hb hingga 29hb September 2024.

Bagi meraikan kedatangan atlet-atlet dari 50 pelbagai negara, Majlis Makan Malam telah diadakan di Dewan Munawarrah, Setia Point, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan Negara Brunei Darussalam.



## Sambungan Muka Surat 22



## MAJLIS PEMBUKAAN RASMI KEJOHANAN WUSHU REMAJA DUNIA KALI KE-9, 2024 BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Rabiulawal 1446 / 25 September 2024**

- Persekutuan Wushu Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan Majlis Pembukaan Rasmi Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.


Negara-negara yang ikut serta ialah Algeria, Armenia, Australia, Belgium, Benin, Brazil, Bulgaria, Canada, People's Republic of China, Czechia, Egypt, France, Great Britain, Georgia, Germany, Hong Kong, Indonesia, India, Islamic Republic of Iran, Iraq, Italy, Japan, Jordan, Kazakhstan, Republic of Korea, Kuwait, Lao People's Democratic Republic, Lebanon, Lithuania, Macao, Malaysia, Mexico, New Zealand, Philippines, Palestine, Portugal, Romania, Senegal, Singapore, Sri Lanka, Switzerland, Turkmenistan, Chinese Taipei, Tunisia, Türkiye, Ukraine, United States of America, Uzbekistan, Vietnam dan Negara Brunei Darussalam selaku penganjur Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9.

Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 akan diadakan bermula pada 25hb hingga 29hb September 2024. Sebanyak 2 kategori akan dipertandingkan

iaitu acara Taolu yang akan diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan acara Sanda akan berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.



## Sambungan Muka Surat 24



# HARI PERTAMA KEJOHANAN WUSHU REMAJA DUNIA KALI KE-9, 2024

## BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM




**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Rabiulawal 1446 / 25 September 2024** - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menyaksikan Hari Pertama Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 bagi acara Taolu dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat-pingat kepada pemenang.



## LAWATAN DARIPADA ISTERI LEFTENAN JENERAL DATO' MOHD SOFI BIN MD LEPI, YANG BERBAHAGIA DATIN ERNIE IRAWATI BINTI ROSLI DAN ROMBONGAN KE MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA



**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Rabiulawal 1446 / 25 September 2024** - Yang Berbahagia Datin Ernie Irawati binti Rosli, Isteri kepada Leftenan Jeneral Dato' Mohd Sofi bin Md Lepi berserta rombongan berkesempatan untuk mengunjungi Muzium Alat Kebesaran Diraja.



## MESUARAT KE-32 MAJLIS KOMUNITI SOSIO BUDAYA ASEAN VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO



VIENTIANE, LAO PEOPLE'S DEMOCRATIC REPUBLIC, Khamis, 23 Rabiulawal 1446/26 September 2024 - ang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia, dan Sukan Negara Brunei Darussalam, telah menghadiri Mesyuarat ke-32 Majlis Komuniti Sosio Budaya ASEAN (ASCC) yang telah diadakan di Hotel Landmark Mekong Riverside, Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao. Mesyuarat yang bertemakan "Enhancing Connectivity and Resilience" ini dipengerusikan oleh Puan Yang Terutama Suanesavanh Vignaket, Menteri Penerangan, Kebudayaan, dan Pelancongan Lao Republik Demokratik Rakyat Lao, selaku Pengerusi Majlis ASCC 2024. Mesyuarat juga turut dihadiri oleh Menteri-Menteri ASCC Negara-Negara Ahli ASEAN atau wakil, serta Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Tunggak ASCC. Timor-Leste juga hadir sebagai negara pemerhati.


Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut disertai oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ketua SOCA Negara Brunei Darussalam serta pegawai-pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Brunei Darussalam.



# HARI KEDUA KEJOHANAN WUSHU REMAJA DUNIA KALI KE-9, 2024

## BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Rabiulawal 1446 / 26 September 2024 -**  
Hari Kedua Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 bagi acara Taolu telah diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.



# HARI KETIGA KEJOHANAN WUSHU REMAJA DUNIA KALI KE-9, 2024

## BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Rabiulawal 1446 / 27 September 2024** - Hari Ketiga Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 bagi acara Taolu telah diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.




# HARI KETIGA KEJOHANAN WUSHU REMAJA DUNIA KALI KE-9, 2024

## BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Rabiulawal 1446 / 27 September 2024** - Hari ketiga Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 bagi acara Sanda telah diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.



## PERTANDINGAN PERMAINAN TRADISI PASANG SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH SENEGARA BAGI TAHUN 2024



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Rabiulawal 1446 / 28 September 2024** - Sebagai salah satu usaha dalam menyebarkan dan mengangkat martabat permainan tradisi Pasang sebagai permainan warisan negara di kalangan penuntut-penuntut sekolah menengah, Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Pembelajaran dan Penerbitan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kesenian dan Kreativiti telah mengadakan Pertandingan Permainan Tradisi Pasang Sekolah-Sekolah Menengah Senegara Tahun 2024 di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seramai 17 buah sekolah menengah dari seluruh negara telah menyertai pertandingan ini. Pertandingan Permainan Tradisi Pasang 2024 pada kali ini mempunyai satu kategori perlawanan iaitu Kategori Terbuka Berkumpulan yang telah disertai oleh pelajar-pelajar sekolah menengah terdiri daripada tahun lapan (8), sembilan (9), dan sepuluh (10).


Peringkat saringan telah dijalankan pada sebelah pagi manakala peringkat akhir dijalankan pada sebelah petang. Sekolah Menengah Sayyidina Hasan menjadi Juara pertandingan, manakala Naib Juara pula disandang oleh Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba dan Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri telah mendapat tempat Ketiga di pertandingan ini.

# HARI KEEMPAT KEJOHANAN WUSHU REMAJA DUNIA KALI KE-9, 2024

## BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Rabiulawal 1446 / 28 September 2024**

- Hari Keempat Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 bagi acara Taolu telah diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.




# HARI KEEMPAT KEJOHANAN WUSHU REMAJA DUNIA KALI KE-9, 2024

## BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Rabiulawal 1446 / 28 September 2024**

- Hari Keempat Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 bagi acara Sanda telah diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.



# MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Rabiulawal 1446 / 28 September 2024 -**  
Seramai 17 orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, kebakaran dan rumah roboh telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis berlangsung di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.







Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.



# HARI KELIMA KEJOHANAN WUSHU REMAJA DUNIA KALI KE-9, 2024




## BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Rabiulawal 1446 / 29 September 2024 -**  
Hari Kelima Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 bagi acara Taolu telah diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.



# HARI KELIMA KEJOHANAN WUSHU REMAJA DUNIA KALI KE-9, 2024 BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Rabiulawal 1446 / 29 September 2024 -**  
Hari Kelima Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 bagi acara Sanda telah diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.



# MAJLIS PENUTUPAN RASMI KEJOHANAN WUSHU REMAJA DUNIA KALI KE-9, 2024 BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Rabiulawal 1446 / 29 September 2024 -**  
Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 yang bermula secara rasminya pada 25 September 2024 yang lalu telah menutup tirai dengan jayanya dengan Majlis Penutupan Rasmi yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



سلامت میمبوت هاری ڦرخدمتن عوام ک- ۳۱

Selamat Menyambut Hari Perkhidmatan Awam Ke-31

25 Rabiulawal 1445 / 29 September 2024



Air disiram di tepi bangunan.  
Bangunan hijaua umpama lukisan;  
Perkhidmatan Awam padu berperanan.  
Memacu kemajuan capai Wawasan.

کبرداياتاهن دان ڦقادوان ڦرخدمتن عوام ٿمڪين کسجهٽاءن نگارا

Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara



[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)



[kkbs\\_brunei/](https://www.instagram.com/kkbs_brunei/)



Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**E-POSTER SEMPENA MENYAMBUT HARI PERKHIDMATAN AWAM KE-31**



**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam**

**E-mel: Info@kkbs.gov.bn**

**Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn**

**Instagram: @kkbs\_brunei**

**Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**